

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN B. ABU BAKAR  
(REMBAU)**

**SOALAN**

**TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah keseluruhan pekerja asing yang sedang bekerja di negara ini secara sah mahupun tidak sah dan berapakah perbandingan jumlah pekerja asing ini bagi tempoh 2017 sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian ini mengambil maklum bahawa soalan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah pekerja asing yang sedang bekerja di negara ini secara sah adalah merujuk kepada jumlah pekerja asing kurang mahir dalam enam sektor formal yang dibenarkan iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian serta pengkuarian dan perlombongan. Dalam hal ini, pekerja-pekerja ini telah dikeluarkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) – PLKS yang masih sah dan aktif oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Sementara itu, berhubung pekerja asing tidak sah pula, Kementerian ini mentafsirkan soalan tersebut sebagai jumlah keberadaan pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara kita.
  
2. Sehubungan dengan itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin memaklumkan bahawa berdasarkan rekod JIM, jumlah pekerja asing kurang mahir yang telah dikeluarkan PLKS sah dan aktif dari tahun 2017 hingga 31 Oktober 2019 adalah seperti jadual di bawah.

**Jumlah Pekerja Asing Kurang Mahir Yang Telah Dikeluarkan  
PLKS Sah Dan Aktif Dari Tahun 2017 Sehingga 31 Oktober 2019**

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>PEKERJA ASING LELAKI</b>	<b>PEKERJA ASING PEREMPUAN</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
1.	2017	1,428,132	369,245	1,797,377
2.	2018	1,640,480	375,280	2,015,760
3.	Oktober 2019	1,620,990	373,576	1,994,566

*Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia*

*Tarikh Kemas Kini: 26 November 2019*

3. Berdasarkan statistik di atas, dapat disimpulkan bahawa secara puratanya, jumlah penggajian pekerja asing yang sah dan aktif bagi tempoh 3 tahun tersebut (2017, 2018 serta Januari sehingga Oktober 2019) berada di bawah 2 juta orang. Berhubung jumlah keberadaan PATI di negara ini pula, Kerajaan tidak mempunyai anggaran tepat mengenai perkara tersebut. Namun begitu, Kerajaan sentiasa peka terhadap senario kebanjiran PATI di Malaysia dan tindakan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan secara berterusan bertujuan mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang berada di dalam negara.